

DBKL anjur 11 program meriahkan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menganjurkan 11 program sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan, hari ini.

DBKL dalam kenyataan memaklumkan program berkenaan dianjurkan hingga 14 Julai ini.

Antara program terbabit ialah 1 Suara @ 50 WP yang dianjurkan bermula Oktober lalu hingga sepanjang Februari ini, Teaterikal Gemuruh (23 hingga 25 Februari), Prosperity Walk dan Sambutan Tahun Baharu Cina (24 Februari), Marathon Basikal @GFNY Kuala Lumpur (25 Februari) serta Karnival 50WP 2024 (13 dan 14 Julai).

DBKL menghiasi jalan utama di ibu negara seperti Jalan Raja Laut, Jalan Raja, Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Sultan

Ismail dengan memasang 3,000 gegantung bendera Wilayah Persekutuan.

Sebanyak 1,550 bendera Wilayah Persekutuan turut dipasang pada tiang lampu sekitar ibu kota.

Pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut mengeluarkan surat kepada pemilik bangunan untuk bersama-sama memeriahkan sambutan dengan memasang bendera Wilayah Persekutuan dan bendera Kuala Lumpur di premis mereka.

“Semoga sambutan Hari Wilayah Persekutuan Tahun 2024 disambut gembira oleh seluruh warga kota.

“Semarakkan hari penuh bermakna ini dengan hiasan bendera Wilayah Persekutuan di kediaman masing-masing,” menurut kenyataan itu. **BERNAMA**



DBKL menghiasi Jalan Raja Laut bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024 ketika tinjauan BH, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)